

11/02/2001

Aneh, lain dirancang lain yang jadi

MINGGU ini Kiau nak cakap sikit pasal orang Melayu dan bahana orang dewasa meragam. Kalau budak-budak meragam tak apalah. Itu sifat budak-budak. Bila dia tak dapat atau tak dibagi apa yang dia hendak, dia meragam. Dia menangis dan berguling atas lantai atau tanah.

Tapi bila orang dewasa meragam, memang hodoh dan tak ada ubat. Sebabnya orang dewasa tak patut meragam. Fikiran orang dewasa sepatutnya cukup waras atau rasional. Kerana waras dia tak meragam.

Malangnya, pada akhir-akhir ini Kiau nampak banyak orang dewasa meragam, khasnya orang Melayu.

Meragam yang Kiau maksudkan ialah berkelakuan atau berperangai tak tentu hala. Bukan menyanyi atau mewarnai yang juga erti meragam mengikut Kamus Dewan.

Bila meragam, orang dewasa pun boleh hilang akal dan jadi tak tentu arah. Agaknya inilah punca perhimpunan 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' Ahad lalu anjuran Badan Bertindak Melayu di Pusat Dagangan Dunia Putra bertukar corak. Lain yang dirancang, lain yang jadi.

Musuh dilupakan, orang sendiri dibelasah. 'Melayu Bersatu' yang jadi tema perhimpunan berubah jadi Melayu belasah Melayu.

Kiau tak hairan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Umno, kerajaan dan Dasar Ekonomi Baru dikritik. Macam Kiau dah banyak kali kata, Dr Mahathir kena kritik, kena cemuh dan kena tuduh bukan benda baru.

Daripada zaman dia mula masuk politik sampailah dia jadi Perdana Menteri, banyak orang dan banyak pihak yang kritik dan kutuk dia.

Kiau ingat lagi pada pilihan raya tahun 1969, Pas kutuk dan tuduh dia 'tidak Islam' pasal dia tak mahu pakai kopiah. Orang bukan Melayu pula kutuk dia pasal kononnya dia anti-Cina.

Bila dia kecam Tunku pasal Peristiwa 13 Mei pada 1969, dia kena buang Umno. Orang buang dia keluar, orang terima dia masuk balik. Dia tak buat tunjuk perasaan, dia tak hasut orang ikut dia.

Sekarang kalau ada hero-hero Umno yang kecam dan kritik dia, mereka bukanlah orang pertama buat macam itu. Mereka cuma ikut apa yang media massa Barat, George Soros, Al Gore dan Joseph Estrada buat lebih awal.

Kiau pun tak hairan kalau ada orang kutuk Umno, kutuk kerajaan dan kutuk DEB dalam perhimpunan yang bersimbolkan keris itu. Mereka bukan orang pertama. Pembangkang lebih awal kutuk Umno dan kerajaan. Macam itu jugalah dengan DEB. Kalau boleh, orang bukan Melayu tak mahu DEB.

Yang Kiau hairan macam mana lain dirancang dan dihebah, lain yang jadi. Kiau pening. Bila pening kita fikir bukan-bukan.

Kalau Kiau fahamlah, tujuan perhimpunan 'Tak Akan Melayu Hilang Di Dunia' bertujuan satu padukan orang Melayu dan pertahan hak istimewa mereka. Sebahagian orang Melayu rasa tercabar akibat tuntutan pilihan raya Suqiu yang dianggap mencabar hak istimewa mereka.

Kiau rasa kerana slogan dan maksud yang tersirat itulah ramai hadir perhimpunan itu. Mereka anggap ia pertemuan am orang Melayu, bukan pertemuan politik.

Tapi mengikut laporan surat khabar, khasnya surat khabar bahasa Inggeris seperti The Sun (Matahari) dan The Star (Bintang), forum itu jadi gelanggang belasah Dr Mahathir, Umno, kerajaan dan DEB. Inilah yang Kiau hairan.

Apakah perhimpunan itu terkeluar daripada kawalan atau dijadikan topeng oleh orang tertentu untuk belasah orang lain?

Akibatnya, musuh tidak disanggah. Hak Melayu tidak dipertahan. Yang berlaku, kaum sendiri dibelasah, macam budak meragam yang gigit tangan ibu atau bapa sendiri.

Kiau tak kata Dr Mahathir semua betul. Tak ada manusia yang tak buat salah atau silap. Tapi nampaknya Dr Mahathir lebih betul daripada Gore dan Estrada.

Kiau tak kata DEB semua betul. Tapi ia lebih betul daripada dasar yang dilaksanakan sebelum itu. Orang yang kecam Dr Mahathir dan kecam DEB itu pun hidup senang-lenang kerana DEB.

Kalau tak percaya tanyalah Tun Abdul Ghafar Baba. Sebagai orang tua (veteran) politik Melayu yang naik dari bawah, yang pernah jadi Ketua Menteri, Pengerusi Mara, Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, dia tahulah macam mana hebatnya Umno dan kerajaan cuba bantu orang Melayu.

Satu hal lagi, Kiau rasa orang Melayu janganlah asyik sangat dengan cogan kata macam 'takkan Melayu hilang di dunia', 'Melayu baru', 'ketuanan Melayu' dan sebagainya.

Ingatlah, tak lama lepas Hang Tuah kata takkan Melayu hilang di dunia, empayar Melayu Melaka hancur pasal orang Melayu saling cemburu, iri hati dan fitnah-memfitnah.

Orang Melayu tak hilang di dunia, tapi selama 446 tahun (1511-1957) orang Melayu jadi hamba kepada satu bangsa penjajah ke satu bangsa penjajah yang lain. Orang Melayu melarat di bumi sendiri.

Tepuk dada, tanya selera. Melayu yang macam mana yang kita mahu di muka bumi ini - Melayu yang merajuk dan meragam atau Melayu yang sabar dan waras?

Melayu yang maju di dunia maya (virtual world) atau Melayu yang tidak bermaya? Melayu yang berdiri atas kaki sendiri atau Melayu yang bergayut kepada subsidi?

(END)